

SMK Labuan Johan Keseluruhan Ping Pong dan Ketiga Keseluruhan Badminton MSSWPL 2019



Labuan, 25 Februari : Berlangsung di Dewan SJK(C) Chi Wen, SMK Labuan muncul johan keseluruhan Kejohanan Ping Pong Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) peringkat Wilayah Persekutuan Labuan 2019 yang telah diadakan pada 22 hingga 23 Feb 2019.

Kategori yang dipertandingan bagi kejohanan ini ialah perseorangan lelaki dan perempuan 18 tahun, beregu lelaki dan perempuan 18 tahun.

Walaupun baru berusia 13 tahun, pelajar tingkatan 1 Harmoni, Derica Goh unggul membantu SMK Labuan menjadi juara dengan memenangi perseorangan perempuan bawah 18 tahun, selain meraih tempat ketiga dalam kategori beregu

perempuan 18 tahun bergandingan dengan Vannesa Goh.

Celine Tan dan Samantha Tan juga dari SMK Labuan mendapat tempat ketiga dalam kategori yang sama.

Perseorangan lelaki 18 tahun pula menyaksikan Alvin Shim muncul naib johan, manakala Billy Goh meraih tempat ketiga.

Pasukan SMK Labuan mendapat naib johan dalam kategori beregu lelaki dan perempuan 18 tahun yang diwakili oleh gandingan Billy Goh, Alvin Shim (kategori lelaki) dan gandingan Celine Tan, Shau Yunn Shin (kategori perempuan).



Derica Goh, johan perseorangan perempuan 18 tahun Jurulatih SMK Labuan yang membantu sekolah muncul juara edisi kali ini ialah Cikgu Ting Liu Jeng, Cikgu Hasriah Sidik dan Ustaz Mohd Sharafuddin bin Iliah.

Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Encik Ag Mohd

Zain Ag Anak, Ketua Unit Sukan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan. Turut hadir Puan Chan Kwi Fong, Pengetua SM ST Anne dan Encik Kuanfuh Jackson Tondoliu, Penolong Kanan Kokurikulum, SM St Anthony.

Kejohanan Ping Pong MSSM peringkat kebangsaan akan berlangsung pada 24-28 Mac 2019 di negeri Kedah Darul Aman.

Sementara itu, pada 19 hingga 23hb Februari 2019, bertempat di Kompleks Sukan Labuan telah berlangsung kejohanan Badminton MSSM Wilayah Persekutuan Labuan.

Pasukan SMK Labuan juga turut menghantar 18 orang peserta dan pasukan ini tidak kurang hebatnya dengan meraih 2 emas, 1 perak dan 3 gangsa untuk muncul tempat ketiga keseluruhannya.

Marina Wong muncul johan perseorangan kategori perempuan 18 tahun. Beliau terus unggul dengan menggondol pingat emas, bergandingan dengan Arneete Venessa dalam kategori beregu perempuan 18 tahun.



Badminton Johan Bergu P18 Marina dan Arnette SMK Labuan juga turut meraih Naib Johan Bergu Campuran (Nuramirah Atiqah dan Mohd Nor Hafizh), Tempat Ketiga Bergu Perempuan 15 Tahun (Tee Yun Yan dan Shuhada Fitri), Tempat Ketiga Perseorangan 15 Tahun (Shuhada Fitri) dan Tempat Ketiga Bergu Lelaki 15 Tahun (Brandon Tan dan Stefano).

Jurulatih SMK Labuan Cikgu Cheah Siew Ling, Cikgu Hjh Saniati Matasan dan Cikgu Noorul Syarhida Nurul Hadi.

Kejohanan Badminton MSSM peringkat kebangsaan akan diadakan pada 25-30 Mac di Melaka.



Pasukan badminton bersama Cikgu Cheah dan Cikgu Hjh Saniati

Sumber Berita : SMK Labuan